

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR  
[TANJUNG KARANG ]**

**TARIKH : 25 NOVEMBER 2015**

**SOALAN :**

**DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR [TANJUNG KARANG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa ramai pengundi berdaftar yang berumur lebih 100 tahun yang keluar mengundi pada PRU-13 mengikut pecahan kaum.

**JAWAPAN : Y.B. DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan pengundi berdaftar yang berumur lebih 100 tahun pada PRU Ke-13 yang lalu adalah seramai 5,877 orang. Namun begitu, SPR tidak mempunyai statistik bilangan pengundi berdaftar yang berumur lebih dari 100 tahun serta mengikut pecahan kaum yang telah keluar mengundi pada pilihan raya tersebut.

Sekian. Terima kasih.